



MANUAL KHUTBAH JUMAAT




TAJUK ; HIJRAH TUNJANG PERUBAHAN



ISLAMIC SAVOUR - OBEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





“HIJRAH TUNJANG PERUBAHAN”.1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَمَنْ يُهَاجِرْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَجِدْ فِي الْأَرْضِ مُرَاعِمًا كَثِيرًا وَسَعَةً ¹	
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.	4
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾	
Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.	5
Pada hari yang mulia ini, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk “HIJRAH TUNJANG PERUBAHAN”.	6

¹ Al- Nisa' : 100



Sebelum kita melangkah lebih jauh, kita perlu bertanya apakah sebenarnya makna hijrah? Para ulama menjelaskan bahawa antara maksud hijrah adalah meninggalkan segala yang dilarang Allah SWT menuju perkara yang diredhai-Nya. Hijrah bukan sekadar perpindahan fizikal. Ia juga adalah perpindahan yang mengislah jiwa dan fikiran sehingga membentuk sebuah peradaban.	7
Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Amru bin al-'As <i>Radiallahuanhuma</i> bahawa Rasulullah SAW bersabda: وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا نَهَى اللَّهُ عَنْهُ	8
"Dan orang yang berhijrah ialah orang yang meninggalkan apa-apa yang dilarang oleh Allah." (<i>Riwayat al-Bukhari</i>).	9
Berdasarkan hadis ini, jelaslah bahawa semangat hijrah merupakan tuntutan yang berterusan sepanjang kehidupan seorang Muslim. Dalam garis masa sejarah umat ini, terdapat satu detik yang bukan sekadar mengubah sejarah perjalanan manusia, bahkan membina asas sebuah peradaban agung. Itulah peristiwa hijrah Rasulullah SAW dari Makkah ke Madinah.	10



Hijrah Nabi SAW hakikatnya telah melahirkan sebuah masyarakat yang luar biasa, daripada umat yang tertindas, menjadi umat yang memimpin dunia selama lebih 1,000 tahun.	11
Benarlah janji Allah SWT dalam Surah al-Nisa' ayat 100 yang dibacakan di awal khutbah bermaksud: <i>“Dan sesiapa yang berhijrah di jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya dia akan mendapati di muka bumi ini tempat hijrah yang luas dan (rezeki) yang banyak.”</i>	12
Ayat ini bukan sekadar janji, tetapi satu manifesto perubahan bahawa hijrah itu membuka ruang, hijrah itu mencipta peluang dan hijrah itu melahirkan kekuatan. Apabila hijrah hanya disambut tetapi tidak dihayati, hanya dilaungkan tetapi tidak dirancang, maka umat Islam akan terperangkap dalam kelemahan dan terbelenggu dalam kelalaian.	13
Marilah kita sama-sama mengimbau sejarah hijrah Nabi SAW yang sarat dengan pengajaran. Setibanya di Madinah, langkah pertama Baginda SAW bukanlah membina istana, tetapi mendirikan Masjid Quba'. Inilah masjid pertama dalam sejarah Islam. Mengapa masjid didahulukan? Kerana sesebuah tamadun tidak mungkin terbina jika hati dan rohnya kosong daripada pengabdian kepada Allah SWT.	14



Apabila masjid hidup dengan ilmu dan penghayatan iman, maka umat akan menjadi lebih kuat dan teguh. Namun apabila masjid diabaikan, sunyi daripada pengimaran, itu adalah petanda awal lemahnya sesebuah masyarakat, lebih-lebih lagi jika berlaku pergeseran dan perpecahan di masjid dan surau.	15
Rasulullah SAW juga telah mempersaudarakan kaum Muhajirin dan Ansar. Dua kaum yang berbeza latar belakang, berbeza budaya, berbeza taraf ekonomi, tetapi disatukan menjadi satu ikatan ukhuwah yang padu. Dalam Sirah Ibnu Hisyam, Ibnu Ishak menyatakan: وَأَخَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ أَصْحَابِهِ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ	16
<i>“Rasulullah SAW telah mempersaudarakan para sahabat Baginda daripada kalangan Muhajirin dan Ansar.”</i>	17
Disamping tujuan utama ikatan ini adalah untuk menguatkan umat Islam antara satu sama lain, pada sudut psikologinya, ia juga dapat menghiburkan hati kaum muhajirin yang terpisah dengan keluarga dan menghilangkan rasa terasing di perantauan.	18



Sesungguhnya peristiwa hijrah Nabi SAW membekalkan kita sekian banyak prinsip untuk berjaya dalam hidup, antaranya: Pertama, hijrah ialah keberanian menongkah cabaran dan mengatasi pelbagai permasalahan kehidupan. Fahamilah bahawa hijrah bukan bermakna melarikan diri daripada masalah, sebaliknya keberanian untuk menghadapinya dengan penuh hikmah dan tawakal kepada Allah SWT.	19
Kedua, hijrah ialah soal strategi dan perancangan. Umat yang hebat bukan sekadar bersemangat, tetapi mampu merancang. Hanya orang yang mempunyai hala tuju yang akan merancang, kerana kehidupan tidak boleh dibiarkan tanpa hala tuju. Setiap individu, keluarga dan masyarakat mesti mempunyai matlamat hidup yang jelas.	20
Ketiga, hijrah menuntut pengorbanan. Tiada kejayaan tanpa kesediaan meninggalkan zon selesa. Rasulullah SAW dan para sahabat dalam kalangan Muhajirin sanggup meninggalkan Makkah walhal di situ bumi kelahiran dan keluarga mereka selama ini. Abu Bakar, Umar dan Uthman <i>Radiallahuanhum</i> rela meninggalkan harta dan kehidupan masing-masing lalu memulakan semula daripada kosong di Madinah.	21
Hakikatnya, setiap perubahan memerlukan kesungguhan dan pengorbanan. Lantaran itu, Allah SWT mengingatkan kita melalui firman-Nya dalam Surah al-Ankabut ayat 6: وَمَنْ جَاهِدْ فَإِنَّمَا يُجَاهِدُ لِنَفْسِهِ إِنَّ اللَّهَ لَغَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ .	22



"Dan sesiapa yang berjuang (menegakkan Islam), maka sesungguhnya perjuangannya itu adalah untuk dirinya sendiri. Sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) daripada sekalian makhluk."

Semoga ulang tahun sambutan Maal Hijrah kali ini menjadi titik tolak untuk melakukan perubahan yang sebenar. Bukan sekadar azam sementara, tetapi satu strategi hidup yang berterusan dan dipancarkan dalam setiap tindakan seharian kita.

Sebelum mengakhiri khutbah kali ini, berikut adalah beberapa perkara yang boleh dijadikan pedoman:

1. Umat Islam hendaklah menjadikan kisah hijrah Rasulullah SAW sebagai sumber inspirasi untuk sentiasa bersemangat melakukan yang terbaik dalam hidup ini.
2. Umat Islam hendaklah berani mendepani segala cabaran kehidupan serta berusaha mengatasinya dengan ilmu, kebijaksanaan dan perancangan yang rapi.
3. Umat Islam hendaklah mempunyai semangat juang yang tinggi, tidak mudah berputus asa, serta sanggup mengharungi kesukaran dan kepayahan demi mencipta masa depan yang lebih baik untuk agama, bangsa dan negara.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَالَّذِينَ آمَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ ءَاوُوا
وَنَصَرُوا أُولَئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ.



“Dan orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah (untuk membela Islam) dan orang (Ansar) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang Islam yang berhijrah itu), merekalah orang yang benar-benar beriman. Mereka beroleh keampunan dan limpah kurnia yang mulia.”

(Surah al-Anfal: 74).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



KHUTBAH KEDUA

1	اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِيْ اَنْزَلَ الشَّرِيْعَةَ هُدًى لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً، اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلَهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهٗ، وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهٗ وَرَسُوْلُهٗ.
2	. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهٖ وَاَصْحَابِهٖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِاِحْسَانٍ اِلٰى يَوْمِ الدِّيْنِ.
3	اَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ اتَّقُوا اللّٰهَ اَوْصِيْكُمْ وَاِيَّايَ بِتَقْوٰى اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.
4	اِنَّ اللّٰهَ وَمَلٰٓئِكَتُهٗ يُصَلُّوْنَ عَلٰى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيْمًا. ²
5	اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهٖ وَاَصْحَابِهٖ اَجْمَعِيْنَ.
6	اللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمٰتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنٰتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.
7	اللّٰهُمَّ اَعِزِّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشَّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ، وَدَمِّرْ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ، وَاجْعَلْ هٰذَا الْبَلَدَ اَمِنًا مُّظْمًئًا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.

² Al-Ahzab: 56.



8	اللَّهُمَّ وَفِّقْ أَيْمَةَ الْمُسْلِمِينَ وَوَلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ لِمَا فِيهِ صَلَاحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.
9	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،
10	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُور، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،
11	وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُور، تَغْكَو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.
12	اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.
13	Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat <i>Radiallahuamhum</i> , seperti yang telah dirumuskan oleh Imam Abu Hasan al-Asya'ri dan Imam Abu Mansur al-Maturidi, beramal dengan Mazhab Al-Syafi'e dan menerima tiga mazhab yang lain, serta bertasawwuf dengan jalan Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali..



Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan dan sifat ekstrim, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.	14
Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.	15
Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.	16
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.³	17
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁴	18
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	19